

# LAWATAN KERJA ASISTEN KETUA STAF (AKS) A4 KE PU GONG KEDAK



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3183-lawatan-kerja-asisten-ketua-staf-aks-a4-ke-pu-gong-kedak](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3183-lawatan-kerja-asisten-ketua-staf-aks-a4-ke-pu-gong-kedak)

GONG KEDAK, 14 Mac 18 – Lawatan Kerja AKS A4, Brig Jen Dato' Raja Ahmad Ikram bin Raja Othman TUDM ke Pangkalan Udara Gong Kedak telah disambut oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Suhaimi bin Hussain TUDM.

Dalam rangka lawatan, AKS A4 telah dibawa ke Markas Pangkalan untuk menandatangani Buku Lawatan dan seterusnya ke Bilik Mesyuarat Cawang Materiel untuk sesi taklimat. Kehadiran beliau di Cawang Materiel telah disambut oleh Ketua Cawang Materiel, Lt Kol Sharani bin Kamaruddin TUDM.

Dalam Lawatan tersebut turut diadakan demonstrasi cara penggunaan minyak senjata G96. Beliau juga dibawa melawat ke Bulk Fuel Installation (BFI) dan POL, bagi memastikan pematuhan kepada peraturan dan arahan semasa Pangkalan yang berkemampuan dalam menyalurkan bantuan sokongan logistik semasa operasi TUDM dan mengetahui permasalahan serta isu-isu semasa yang berlaku di Flait Bahan Api.



